



AYUB (tengah) menunjukkan ganja yang dirampas pada sidang media di pejabatnya, semalam.

## Penjawat awam edar 104 ketul ganja

**G**EORGETOWN: Polis menahan tiga lelaki termasuk seorang penjawat awam dan merampas 104 ketul ganja mampat seberat 100 kilogram bernilai RM350,000 selepas menahan sebuah kenderaan di Bandar Ayer Itam di sini, semalam.

Suspek berusia 40 dan 35 tahun ditahan jam 4.12 pagi selepas polis menahan se-

buah Proton Wira yang membawa empat beg besar berisi dadah berkenaan.

Ketua Polis Negeri, Datuk Ayub Yaakub, berkata anggota unit kereta peronda menahan kereta dinaiki tiga lelaki itu di dalam kawasan balai bomba bagi pemeriksaan.

Polis menemui empat beg di dalam but kereta berisi ketulan ganja mampat.

“Kami percaya ganja itu untuk pasaran tempatan selepas memperoleh bekalan dari luar negeri,” katanya pada sidang media di pejabatnya di sini, semalam.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman gantung sampai mati, jika sabit kesalahan.